



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[EXPLORING THE CONTRIBUTION OF THE MUSLIM MIDDLE CLASS
SOCIETY IN MALAYSIA TO THE NATIONAL SOCIO-ECONOMIC
DEVELOPMENT]**

**MENEROKA SUMBANGAN MASYARAKAT KELAS MENENGAH MUSLIM DI
MALAYSIA TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA**

RIKI RAHMAN¹
MUHAMMAD MASRURI¹
MUHAYMIN HAKIM ABDULLAH¹
NOR SHELA SALEH¹
RIDHOUL WAHIDI²

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia (UTHM) 86400 Parit Raja, Johor, MALAYSIA

² Fakultas Ilmu Agama Islam (FIAI), Universitas Islam Indragiri (UNISI),
Jalan Provinsi Parit 1, Tembilahan Hulu, Indragiri Hilir, Riau, INDONESIA

*Corresponding Author: riki@uthm.edu.my

Received Date: 15 June 2021 • Accepted Date: 15 December 2021

Abstract

The middle class is a group which is considered as a pillar of development and progress of a country. They are actively involved in various sectors, including the socio-economic sector. In Malaysia the number of Muslim middle class is the largest compared to other countries in the archipelago. This study aims to identify the contribution of the Malaysian Muslim middle class from social aspect, especially in the field of education, and economy. To achieve the objective of this study, secondary data were collected starting December 2020. The secondary data were obtained from books, journals, reports, proceedings and internet sources. The data were then analyzed using descriptive analysis method. The results of the study found that the Muslim middle class in Malaysia whether Malay, Chinese or Indian have a very large contribution in developing the country, especially in terms of education and economy. From the aspect of education such as building educational institutions starting from TASKA to higher education. While in terms of economy, among them are the establishment of companies, restaurants, publications, grocery stores and jewelry businesses.

Keywords: Muslim middle class, education, economic, national development.

Abstrak

Kelas menengah adalah golongan yang dianggap sebagai tonggak pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Mereka terlibat aktif dalam pelbagai sektor, termasuk sektor sosio-ekonomi. Di Malaysia, bilangan kelas menengah Muslim adalah yang paling ramai berbanding negara lain di

Nusantara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumbangan kelas menengah Muslim Malaysia dari aspek sosial, khususnya bidang pendidikan, dan ekonomi. Untuk mencapai objektif kajian ini, data-data sekunder telah dikumpulkan bermula Disember 2020. Data sekunder tersebut diperolehi daripada buku, jurnal, laporan, prosiding dan sumber internet. Data tersebut kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa golongan kelas menengah Muslim di Malaysia sama ada Melayu, Cina mahupun India memiliki sumbangan yang sangat besar dalam membangunkan negara khususnya dari aspek pendidikan dan ekonomi. Dari aspek pendidikan seperti membina institusi pendidikan bermula daripada TASKA sehinggalah pengajian tinggi. Manakala dari segi ekonomi pula antaranya adalah penubuhan syarikat, restoran, penerbitan, kedai runcit dan perniagaan barang kemas.

Kata kunci: Asas ilmu hadis, Pengetahuan, Pemahaman.

Cite as: Riki Rahman, Muhammad Masruri, Muhyamin Hakim Abdullah, Nor Shela Saleh & Ridhoul Wahidi. 2021. [Exploring the contribution of the Muslim middle class society in Malaysia to the national socio-economic development] Meneroka sumbangan masyarakat kelas menengah Muslim di Malaysia terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 211-224.

PENGENALAN

Kelas menengah merupakan kumpulan yang berperanan besar dalam merencanakan pembangunan sesebuah negara. Kumpulan ini juga telah memberikan sumbangan penting dari pelbagai aspek terhadap kemajuan negara. Oleh itu, mana-mana negara telah mengambil pelbagai langkah untuk mempercepat dan mempromosikan pertumbuhan kelas menengah ini. Bilangan kelas menengah dalam sesebuah negara dapat dijadikan sebagai pengukur tahap kemajuan negara berkenaan. Hal ini kerana, menurut Nordin Selat (1976), negara maju adalah negara yang memiliki bilangan kelas menengah yang ramai. Di Nusantara, Malaysia dan Indonesia adalah antara dua negara yang memiliki bilangan kelas menengah yang ramai, khususnya kelas menengah Muslim.

Di Indonesia, sumbangan kelas menengah Muslim dari segi sosial, politik dan ketenteraan dirintis oleh ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim se – Indonesia), iaitu sebuah pertubuhan Islam yang dianggotai oleh para cendekiawan dengan pelbagai latar belakang (Riki Rahman & Faisal S. Hazis, 2020). Walaubagaimanapun, berbanding dengan negara-negara lain di Nusantara seperti Indonesia, Filipina dan Thailand, kelas menengah di Malaysia mempunyai bilangan yang lebih ramai. Namun, jika dibandingkan dengan negara industri seperti Jepun, Taiwan, Hong Kong, dan Korea Selatan, bilangannya jauh lebih kecil (Wan Kamal & Kasri, 2012).

Sebagai sebuah negara berbilang etnik, Malaysia telah mewujudkan kumpulan kelas menengah yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan latar belakang. Kewujudan kumpulan ini dianggap memberi kesan penting dari aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan, budaya, dan pembangunan negara. Sumbangan kumpulan ini sudah pasti mendorong corak pembangunan negara setakat ini, terutama dari segi sosio dan pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti sumbangan kelas menengah Muslim Malaysia dari aspek sosial, khususnya bidang pendidikan, dan ekonomi negara. Penulis

mengkhususkan aspek sosial kepada bidang pendidikan kerana menurut Yap Beng (1989), bidang pendidikan adalah alat ukur baru dalam menentukan ciri-ciri kelas menengah dalam masyarakat.

Untuk menjawab objektif kajian ini, penulis telah mengumpulkan data-data sekunder dari pelbagai sumber seperti, buku, jurnal, prosiding persidangan dan bahan rujukan daripada internet yang berwibawa. Antara jurnal dan sumber internet yang menjadi rujukan penulis ialah Asian Survey, Hamdard Islamicus, Jurnal Al-Tamaddun, Perkim dan Ikim. Kajian ini bersifat kualitatif, menggunakan kaedah deskriptif dan analisis untuk mengenal pasti sumbangan masyarakat Muslim kelas menengah Malaysia dari segi pembangunan sosio-ekonomi. Kajian ini dijalankan sepanjang Disember 2020 dan masih akan diteruskan sehingga tempoh geran penyelidikan (Tier-1) ini tamat, iaitu pada November 2022. Oleh yang demikian, artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang sedang dijalankan.

KONSEP KELAS MENENGAH MUSLIM

Kewujudan kelas menengah dewasa ini merupakan golongan yang paling ramai di negara maju dan negara membangun. Bagaimanapun, definisi masyarakat kelas menengah sebenarnya masih belum jelas. Sebahagian merujuk kepada peniaga, pegawai pentadbiran, golongan profesional dan tentera, manakala sebahagian yang lain mengkhususkan kepada golongan profesional dan usahawan (Suryadinata, 1997). Secara umum, pakar sosiologi membahagikan kelas masyarakat kapitalis kepada tiga kelas, iaitu:

1. Kelas atasan, iaitu golongan yang memiliki sumber pengeluaran dan memegang peranan ekonomi sebagai pelabur.
2. Kelas menengah, iaitu golongan yang memiliki kelayakan dari segi pendidikan atau latihan teknikal dan memegang peranan ekonomi sebagai golongan pekerja profesional (pengurusan dan pentadbiran).
3. Kelas bawahan, iaitu golongan yang memiliki tenaga fizikal sebagai buruh atau pekerja manual dalam sistem pengeluaran barangan dan perkhidmatan (Mariappan, 2000).

Menurut Karl Marx, petani, pengusaha kecil dan peniaga kecil adalah saki baki kumpulan zaman ekonomi pra-kapitalisme. Kumpulan ini dikenali sebagai golongan kelas menengah yang pada asasnya adalah kumpulan zaman peralihan. Kumpulan ini dianggap sebagai borjuasi kecil yang pemikirannya cenderung konservatif. Kedudukan mereka terletak di antara kelas pekerja dengan kelas kapitalis dan tuan tanah (M. Dawam Rahardjo, 1999).

Menurut Noran Fauziah Yaakub (1987) kelas menengah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kelas menengah-atasan, kelas menengah-pertengahan dan kelas menengah-bawahan. Menurut Mariappan (2000) kelas menengah-atasan dianggotai oleh pekerja profesional, pengurusan dan pentadbiran peringkat tertinggi. Kelas menengah-pertengahan pula dianggotai oleh golongan profesional yang lain seperti doktor, peguam, jurutera, pensyarah, akauntan, dan sebagainya. Manakala kelas menengah-bawahan dianggotai oleh pekerja-pekerja perkhidmatan peringkat rendah.

Abdul Rahman Embong (1998) menyatakan bahawa jenis pekerjaan merupakan antara kriteria yang sering difokuskan dalam kebanyakan kajian yang berkaitan dengan kelas menengah. Antara ciri-ciri pekerjaan yang boleh dikategorikan sebagai golongan kelas menengah adalah profesional peringkat tinggi dan rendah seperti pentadbir dan pengurus, majikan kecil yang mempunyai pekerja dan peladang serta pekerja bukan buruh kasar atau pekerja perkhidmatan, pekerjaan jenis pengkeranian dan pekerja jualan (Mohamed Salleh, 1998: 441). Pegawai dan pentadbir jentera birokrasi negara dan pengurus eksekutif syarikat juga antara yang termasuk dalam golongan ini (Abdul Rahman Embong, 1998: 63). Pekerjaan lain seperti guru sekolah, pekerja awam, wartawan dan peniaga juga digolongkan dalam kelas menengah (Milner, 1995: 89-113).

Berdasarkan pelbagai pandangan sarjana di atas, dapat dinyatakan di sini bahawa definisi kelas menengah bergantung bagaimana ia ditakrifkan sama ada menerusi pendidikan, kekayaan, persekitaran, rangkaian sosial, adab, nilai dan lain-lain. Jelasnya, golongan masyarakat kelas menengah ini adalah masyarakat yang memiliki kehidupan yang baik dan stabil baik dari sudut ekonomi, pendidikan mahupun kerjaya. Oleh yang demikian, dalam artikel ini kelas menengah Muslim ditakrifkan sebagai segolongan masyarakat beragama Islam yang taraf kehidupannya stabil sama ada dari sudut pendidikan mahupun ekonomi.

PERINTIS MASYARAKAT KELAS MENENGAH MUSLIM DI MALAYSIA

Peranan dan sumbangan masyarakat kelas menengah Muslim di Malaysia terhadap bidang sosial, terutamanya sektor pendidikan, dan ekonomi dirintis oleh persatuan pelajar seperti PMIUM dan pertubuhan lain sama ada pertubuhan politik mahupun bukan politik. Jika dilihat dari segi sejarah, perintis yang menggerakkan kesedaran terhadap tata cara kehidupan Islam yang holistik adalah sekumpulan pelajar di universiti tempatan iaitu, Universiti Malaya menerusi Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) yang kemudian bergabung menubuhkan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Pertubuhan ini berusaha untuk mengembalikan masyarakat Melayu kepada ajaran Islam sebenar bagi membentuk nilai, pandangan dan amalan hidup mengikut Islam yang holistik. Pertubuhan pelajar ini fokus mengangkat isu cara hidup Islam yang syumul, survival orang Melayu, penyelesaian masalah kemiskinan, pembinaan Bahasa Kebangsaan dan sistem pendidikan yang berteraskan Islam (Batumalai, 1996).

Seruan terhadap gerakan Islam dalam kalangan pelajar ini kemudian membentuk platform dakwah yang lebih luas dengan penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), di mana ia merupakan hasil perhimpunan Alumni PKPIM (Badlihisam Mohd Nasir, 1999; Zainah Anwar, 1987). Gerakan ABIM ini agak menonjol kerana para pemimpinnya yang berani dan lantang dalam menyuarakan cara hidup Islam. Slogan perjuangan ABIM iaitu, "Islam is a way of life" mendekatkan masyarakat terhadap penghayatan Islam dan tanggungjawab beragama (Ishak Saat, 2006: 106). Pada masa yang sama inisiatif untuk mengimplementasikan gerakan kesedaran hidup mengikut cara Islam yang syumul turut berlaku dalam kalangan pelajar Melayu di luar negara. Golongan berpelajaran tinggi ini dihantar ke luar negara berikutan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 1971. Pertubuhan pelajar Islam lain yang boleh dianggap sebagai perintis kepada kebangkitan

masyarakat kelas menengah Muslim di era moden ini ialah Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM). Pertubuhan yang fokus di bidang sosial dan dakwah pada era 1990-an ini diketuai oleh Saari Sungib, lulusan daripada United Kingdom, yang apabila kembali ke tanahair banyak melakukan gerak kerja dakwah, khususnya di bidang sosial dan pendidikan. Pendekatan dakwah yang digunakan oleh JIM ialah lebih kepada sesi penerangan dan membina kefahaman Islam menerusi kaedah perbincangan agama dan usrah.

Pendedahan secara meluas terhadap cabaran budaya Barat, bahan bacaan gerakan Islam, corak pemikiran Islam dan tokoh-tokoh Muslim ketika berada di luar negara mendekatkan mereka kepada kehidupan cara Islam. Sebaik kembali ke tanah air, golongan berpelajaran tinggi ini membentuk satu golongan kelas Menengah Melayu Muslim yang telah melibatkan diri secara langsung dalam pelbagai sektor awam, syarikat milik kerajaan (GLC), syarikat swasta mahupun dalam gerakan dakwah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan gerakan Islam sedia ada bagi membantu menjalankan program-program pembangunan Islam yang pesat sekitar 1980-an sehingga kini.

Kebanyakannya kumpulan pelajar ini memiliki latar belakang pendidikan Barat dan diterajui oleh lima kumpulan iaitu, tiga daripadanya berpusat di United Kingdom, terdiri daripada Malaysian Islamic Study Group of Europe yang ditubuhkan pada tahun 1968 dan diketuai oleh Razali Nawawi dan Mohd Dahlan Arshad. Kemudian Suara al-Islam dan Islamic Representative Council (IRC) atau Majlis Syura Muslimun (MSM) yang ditubuhkan pada April 1974 oleh sekumpulan pelajar Malaysia di United Kingdom (UK). Kedua-dua kumpulan ini bekerjasama dengan Federal Organisation of Student Societies (FOSIS) yang berpusat di UK dan Ireland, di mana ia menjadi persatuan induk pelajar Islam dari seluruh dunia dalam menggerakkan aktiviti pelajar Islam Malaysia di sana (Razali Nawawi 1996; Mohd Dahlan Arshad, 1996; Zainah Anwar, 1990, 59-60; Siti Hamisah Manan, 2009). Sedangkan dua kumpulan lagi merupakan pelajar lepasan universiti di Amerika Syarikat yang dinaungi oleh Muslim Students Association dan di Australia iaitu Australian Federation of Muslim Students Association (Mohamad Abu Bakar, 1981: 1043).

PKPIM dan ABIM, di peringkat awal, kerap mengadakan kerjasama dengan pertubuhan pelajar di Indonesia, seperti Himpunan Mahasiswa Indonesia (HMI) dalam membantu pembinaan semangat kepimpinan, kefahaman ilmu dakwah dan kemampuan intelektual bagi mendepani cabaran dakwah dalam masyarakat. Mereka juga mendapat pencerahan dari tokoh-tokoh terkenal gerakan Islam Indonesia seperti, Dr. Imaduddin Abdulrahim, HAMKA dan juga Muhamad Natsir (Mashitah Sulaiman, 2013). Pertubuhan ini juga sering merujuk idea daripada tokoh-tokoh tersohor gerakan Islam di Timur Tengah, antaranya seperti Hassan Al-Banna, Syed Qutub, Abu A'la Al-Maududi dan Dr. Yusuf Qardhawi. Gerakan-gerakan ini juga mendapat pengaruh daripada gerakan Jamaat Islami daripada Pakistan, gerakan Revolusi Islam Iran dan Ikhwan Muslimin di Mesir. Malah, perkembangan intelektual juga berlaku pada era tersebut di mana orang Melayu pada ketika itu banyak melanjutkan pelajaran pada peringkat tertinggi sama ada di universiti tempatan atau pun antarabangsa. Perkembangan intelektual ini telah mewujudkan satu jaringan sosial di antara gerakan kebangkitan Islam di Malaysia dan di luar negara terutamanya di Timur Tengah (Kamil & Majid, 2017).

Pertubuhan Islam lain yang juga boleh dianggap sebagai perintis masyarakat kelas menengah Muslim di Malaysia ialah Al-Rahmaniah atau Badan Dakwah dan Kebajikan Islam

Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1963 dan diterajui oleh golongan pelajar daripada Universiti Malaya, Kolej Islam Malaya dan beberapa institusi pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur dengan kerjasama masyarakat awam (Zulkifli Dahalan, 2008). Keahlian Al-Rahmaniah kebanyakannya terdiri daripada golongan intelektual Islam. Al-Rahmaniah juga memainkan peranan sebagai badan dakwah yang memenuhi kekosongan ruang dakwah di tengah-tengah masyarakat pada masa itu. Pertubuhan Islam ini dianggap sebagai wadah alternatif yang melibatkan golongan berpelajaran, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan bagi mengisi kekosongan ruang dakwah yang bertentangan dengan fahaman sosialisme dan sekularisme yang berusaha mempengaruhi pelajar pada waktu itu. Tan Sri Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan, Datuk Nakhaei Ahmad, Ustaz Dr. Muhammad Uthman el-Muhammady dan Daeng Sanusi bin Daeng Mariok adalah antara tokoh yang pernah menggerakkan pertubuhan dakwah ini (Zulkifli Dahalan, 2008: 134).

Selain pertubuhan Melayu Muslim, pertubuhan yang dianggotai oleh etnik kelas menengah Cina dan India Muslim juga memainkan peranan dalam membangunkan negara, khususnya di sektro ekonomi. Antara contoh pertubuhan kelas menengah Cina Muslim tersebut ialah MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association). MACMA ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1970 di Pulau Pinang oleh Haji Ibrahim Ma. Objektif MACMA ialah untuk menjaga kebajikan masyarakat Cina Muslim di Malaysia. Selain sebagai pertubuhan dakwah, MACMA juga meletakkan objektif ekonominya sebagai objektif yang penting, iaitu seperti merancang, menyelaras dan mengaplikasikan ekonomi Islam. MACMA juga memperkenalkan tabung kebajikan bagi membiayai aktiviti kemasyarakatan dan program-program yang mereka jalankan. Objektif ekonomi MACMA ini telah membangunkan ekonomi dan kebajikan masyarakat Cina Muslim secara tidak langsung, khususnya untuk ahli MACMA itu sendiri (Mujani & Kasri, 2012).

Masyarakat kelas menengah Muslim India pula lebih banyak melibatkan diri dalam sektor perniagaan kedai makan. Perniagaan makanan yang mereka usahakan berdaftar di bawah Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Persatuan Restoran India Muslim Malaysia (PRESMA) (Mujani & Kasri, 2012). Walaubagaimanapun, ramai juga dalam kalangan mereka yang mengusahakan perniagaan selain bidang makanan, seperti perniagaan tekstil, barang kemas, percetakan dan penjualan buku-buku agama Islam. Selain pertubuhan-pertubuhan yang telah disebutkan di atas, pertubuhan politik juga memainkan peranan penting dalam membangunkan pendidikan dan ekonomi negara, seperti PAS (Parti Islam se-Malaysia) dan UMNO (United Malays National Organisation). Sumbangan kedua-dua parti yang didominasi oleh kalangan menengah Muslim ini sangat besar. PAS menerusi kebajikan sosial dan institusi pendidikan yang ditubuhkannya, manakala UMNO melalui kerajaan yang diperintahnya.

Kewujudan institusi pendidikan Inggeris di Tanah Melayu dan wujudnya sebilangan kecil pelajar Melayu yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah telah berjaya melahirkan golongan intelektual yang memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu dan negeri-negeri Melayu yang dijajah oleh British. Bagi memperjuangkan kepentingan ini, mereka bersatu di bawah panji Persatuan Melayu Singapura yang telah ditubuhkan pada tahun 1926. Persatuan ini bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat Melayu daripada pelbagai lapisan sosial. Selain itu, persatuan ini juga memainkan peranan menuntut hak keistimewaan orang Melayu dan menentang secara terbuka dasar pentadbiran British. Kemuncak peranan kelas menengah

Melayu dalam politik negeri-negeri Melayu dapat dilihat ketika kerajaan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946. Golongan kelas menengah kemudian berganding bahu melakukan perlawanan dan berjaya menubuhkan UMNO sebagai reaksi terhadap perlawanan itu (Mujani & Kasri, 2012).

SUMBANGAN KELAS MENENGAH MUSLIM MALAYSIA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

ABIM, sebagai sebuah pertubuhan sosial dan dakwah dilihat sebagai perintis sistem dan institusi pendidikan moden Islam. Untuk merealisasikan objektifnya dalam membangunkan negara, ABIM terlibat aktif dalam memajukan pendidikan negara dengan menubuhkan beberapa institusi pendidikan. Mulai dari peringkat rendah sehingga peringkat yang lebih tinggi, seperti TASKI, Sekolah Rendah Islam, Sekolah Menengah Islam, Institut Pengajian Ilmu Islam dan Institut perguruan ABIM. ABIM juga telah berjaya menubuhkan Kolej Darul Hikmah Pada tahun 2002 (Badlihisam Mohd Nasir, 2010). Pada tahun 1982, kerajaan telah mengumumkan pelan Universiti Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur hasil daripada perjuangan ABIM dan organisasi pelajar, seperti PKPIM (Roff, 1998: 219).

Selain ABIM, JIM juga mempunyai institusi pendidikan sendiri. Untuk sekolah rendah, JIM telah menubuhkan Sekolah Rendah Islam dan Sekolah Menengah Islam Al-Amin. JIM juga telah menubuhkan kolej Jaipetra. Untuk aktiviti mahasiswa, JIM menubuhkan Kelab Rakan Siswa Islah Malaysia (KARISMA). JIM juga menubuhkan Raudhatul Sakinah pada tahun 1998 yang berfungsi sebagai institut rawatan sosial (Badlihisam Mohd Nasir, 2010: 7). Sebilangan kalangan masyarakat kelas menengah Muslim secara persendirian juga membuka sekolah-sekolah pondok dan maahad tahfiz. Pembinaan sekolah pondok dan tahfiz ini membuka ruang kepada ramai golongan sama ada kalangan miskin, menengah mahupun kaya untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Adalah satu kebanggaan bagi ibu bapa yang anak-anak mereka mampu menghafaz 30 juzuk Al-Qur'an dalam tempoh dua atau tiga tahun sahaja di sekolah atau maahad tersebut. Di Malaysia, sekolah pondok dan maahad tahfiz tumbuh banyak bak cendawan sama ada yang berdaftar ataupun tidak. Fenomena ini memberikan ruang yang besar kepada ibu bapa untuk memilih sekolah yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Berdasarkan laporan Jakim pada Mac 2020, jumlah sekolah pondok yang berdaftar di Malaysia adalah 166 buah sekolah, manakala maahad tahfiz swasta sebanyak 1,072 sekolah. Untuk sekolah pondok, Terengganu menjuarai dari segi bilangannya, iaitu sebanyak 48 buah sekolah. Adapun untuk maahad tahfiz swasta, negeri Selangor didapati menjadi negeri terbanyak, iaitu mencapai 383 buah maahad tahfiz. Fenomena ini menunjukkan bahawa golongan masyarakat kelas menengah Muslim sangat berperanan dalam membangun dan memajukan sektor pendidikan negara mengikut kapasiti masing-masing.

Jadual 1 Statistik Sekolah Pondok/Madrasah dan Maahad Tahfiz Swasta Berdaftar di Malaysia

JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH
Sekolah Pondok/Madrasah	166
Maahad Tahfiz Swasta	1,072

Sumber: Diolah daripada JAKIM (2020)

Jadual 2. Statistik Sekolah Pondok/Madrasah Berdaftar di Lima Negeri Terbanyak

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH
Terengganu	48
Kelantan	38
Kedah	28
Sabah	24
Pahang	15

Sumber: Diolah daripada JAKIM (2020)

Jadual 3. Statistik Maahad Tahfiz Swasta Berdaftar di Lima Negeri Terbanyak

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH
Selangor	383
Johor	105
Kedah	86
Perak	83
Melaka dan Pahang	61

Sumber: Diolah daripada JAKIM (2020).

MACMA, sebuah pertubuhan masyarakat Cina Muslim kelas menengah, turut membantu dan berperanan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Beberapa aktiviti pentadbiran, pengurusan, dan pendidikan dalam kalangan masyarakat Cina Muslim kelas menengah telah dijalankan. Sebagai contoh, mereka telah menerbitkan program rancangan televisyen yang bersifat ke-Islam-an dengan menggunakan pertuturan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Salah seorang Cina Muslim kelas menengah yang terlibat dalam aktiviti ini ialah Hajah Mariam Ma. Beliau telah menggabungkan pengetahuannya yang mendalam tentang Islam dengan kefasihan beliau berbahasa Mandarin dan Melayu untuk menghasilkan program-program menarik bagi kepentingan masyarakat Cina Muslim-Mandarin di Malaysia. Beberapa pelajar Muslim dari tanah China juga bekerja sambilan dengan lembaga keagamaan seperti Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and Pasific (REISAP) dan PERKIM. Mereka turut dilihat terlibat dalam majlis tertentu yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan seperti Darulfitrah (Mujani & Kasri, 2012).

Pada awalnya, masyarakat Cina Muslim di Malaysia terdiri daripada golongan kelas bawahan yang melakukan kerja-kerja kasar seperti buruh dan penoreh getah. Namun seiring peredaran zaman, golongan ini kemudian meningkat ke tahap menengah yang memiliki latar

belakang yang pelbagai, seperti doktor, jurutera, kalangan profesional dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan pendidikan. Alia Tung Ma Lin, anak kepada tokoh Cina Muslim Malaysia, Haji Ibrahim Ma, merupakan salah seorang daripada golongan kelas menengah yang bekerja sebagai pensyarah dan penulis (Mujani & Kasri, 2012).

Adapun PAS di dalam fenomena kebangkitan semula Islam di Malaysia dilihat lebih kompleks berbanding dengan pertubuhan sosial yang lain. Majoriti ahli yang menyertai parti ini terdiri daripada golongan kelas menengah yang terpelajar, kelas menengah yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah, dan kelas pekerja Melayu (Chandra Muzaffar, 1988: 51). Dari sudut sumbangan bidang pendidikan, PAS telah mendirikan institusi-institusi pendidikan moden dengan menekankan nilai-nilai Islam, seperti PASTI untuk pra sekolah dan Sekolah Darul Ulum dan Sekolah Agama Rakyat untuk institusi pendidikan rendah. Bagi peringkat pengajian tinggi pula, PAS telah menubuhkan Yayasan Islam Kelantan dan Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (Badlisham, 2010: 8).

Hasrat masyarakat kelas menengah Muslim kepada kehidupan yang lebih menonjolkan suasana keislaman telah menyebabkan kerajaan di bawah pentadbiran UMNO mengaplikasikan lebih banyak unsur-unsur Islam di dalam pentadbiran kerajaan Malaysia. Pada era pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad sebelum PRU ke-14, beliau banyak menyokong dasar intelektual berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan. Antara sumbangan kerajaan dalam memartabatkan Islam pada era tersebut adalah dengan menubuhkan pelbagai institusi yang bersifat pendidikan yang menonjolkan corak Islam, seperti IIUM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). IIUM ditubuhkan atas desakan ABIM, manakala PERKIM diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama, pada tahun 1960. PERKIM memiliki sekolah TADIKa di Kampong Koh, Perak dan Institut Dakwah Islamiah PERKIM yang merupakan pusat latihan yang menyediakan kursus persediaan pengajian Islam dan sijil asas pengajian Islam dengan tempoh pendidikan antara satu hingga tiga semester (<https://www.perkim.net.my/home-page/>). IKIM ditubuhkan pada 18 Februari 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Objektif penubuhan IKIM ialah untuk memberi kefahaman tentang Islam yang tepat melalui pelbagai platform, program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, kursus, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan. IKIM dirasmikan oleh YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad pada 3 Julai 1992 (<http://www.ikim.gov.my/index.php/pengenalan-penubuhan-ikim/>).

SUMBANGAN KELAS MENENGAH MUSLIM MALAYSIA DALAM BIDANG EKONOMI

Masyarakat kelas menengah, termasuk yang bukan Islam, kebanyakannya membelanjakan wang tunai tambahan mereka untuk barang keperluan, rekreasi, perhiasan dan aktiviti riadah. Di era Revolusi Industri 4.0 ini, lonjakan membeli-belah digital atau atas talian dimanfaatkan ramai oleh golongan ini. Mereka adalah pembeli dalam talian paling tinggi dan mereka sentiasa mencari produk baru dan berkualiti tinggi. Golongan ini banyak memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan industri rekreasi, sekaligus mewujudkan permintaan untuk aktiviti rekreasi baru seperti terapi tradisional dan tempat beristirahat semula jadi.

Kejayaan syarikat automobil di negara ini bergantung pada kelas menengah untuk meningkatkan penjualan produk mereka dengan spesifikasi tinggi. Kewujudan kelas menengah adalah salah satu alasan mengapa kedai runcit berjenama dan restoran mewah boleh kekal bertahan. Nasib perniagaan dan perkhidmatan ini yang bergantung pada kelas menengah dipertaruhkan sekiranya mereka kehilangan sumber pendapatan (Keshminder, 2021). Penglibatan aktif kelas menengah dalam sektor ekonomi secara langsung telah meningkatkan pembangunan ekonomi dan pendapatan negara.

Bagi masyarakat Cina Muslim kelas menengah, perniagaan adalah aktiviti yang paling digemari. Oleh itu tidak hairan, masyarakat Cina umumnya sangat sinonim dengan aktiviti perdagangan dan perniagaan. Pada mulanya mereka akan menjalankan aktiviti ini secara kecil-kecilan dan apabila sudah mahir dan memiliki keuntungan yang lebih maka mereka meneruskannya sehinggalah perniagaan mereka menjadi besar. Dalam erti kata lain, mereka akan bermula dengan aktiviti perniagaan yang kecil seperti perniagaan runcit. Proses yang mereka lalui ini seterusnya akan memberikan mereka pengalaman dan kemahiran serta belajar untuk mengendalikan pelanggan. Kemahiran dan pengalaman ini memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan perniagaan yang mereka miliki. Justeru, tidak hairan jika ramai masyarakat Cina Muslim di Malaysia yang melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan tersebut (Mujani & Kasri, 2012). Jumlah masyarakat Cina Muslim di negara ini pada tahun 2012 dianggarkan seramai 42,048 orang (Taufiq, 2019). Aktiviti perniagaan yang dijalankan masyarakat Cina Muslim kelas menengah ini telah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara.

Menerusi MACMA, Cina Muslim kelas menengah telah merancang beberapa aktiviti dan projek yang sesuai bagi menjana hasil dan meningkatkan ekonomi mereka di mana aktiviti ini pada akhirnya akan merencanakan pembangunan ekonomi negara. Antara aktiviti yang dirancang adalah aktiviti yang berbentuk jualan dan sewaan. sebagai contoh, golongan ini berjaya menjalinkan kerjasama dengan SOGO Holdings dan SOGO Department Store Bhd. untuk mempromosikan restoran Cina Muslim di Kompleks SOGO Kuala Lumpur. Projek sewaan juga mendatangkan hasil yang memberangsangkan seperti penyewaan hartanah bangunan empat tingkat di Jalan Taha, Kuching, Sarawak oleh Mr. Lee Chin Min. Sewaan ini boleh menjana pendapatan sehingga lebih RM3,000 sebulan (Mujani & Kasri, 2012).

Perniagaan utama yang dijalankan masyarakat Cina Muslim di Malaysia adalah perniagaan makanan. Hal ini dapat dilihat menerusi kemunculan restoran makanan Cina Muslim di beberapa buah negeri seperti di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang. Hj Sharin Low Abdullah merupakan salah seorang daripadanya yang terkenal di Selangor. Beliau bergiat aktif melebarkan tapak perniagaannya sehingga memiliki beberapa cawangan. Restoran utama beliau terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan dikenali sebagai 'Restoran Hj Sharin Low Grand'. Selain Hj Sharin Low, seorang lagi Cina Muslim kelas menengah, iaitu Mohd Chan juga menempuh langkah yang sama dengan menceburkan diri dalam perniagaan makanan. Pencapaian beliau dalam bidang perniagaan dapat dilihat melalui kejayaannya membuka restoran di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur seperti di Ulu Klang, Kelana Jaya, Rawang, Wangsa Maju dan Bandar Baru Bangi. Semua restoran ini menawarkan makanan Cina Muslim dan berjaya menarik pelanggan bukan sahaja dari kalangan masyarakat Cina, malahan bangsa Melayu dan India (Mujani & Kasri, 2012).

Dalam kalangan masyarakat kelas menengah India Muslim pula, perniagaan dan perusahaan yang dijalankan sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Sehingga hari ini, aktiviti perniagaan menjadi asas ekonomi sebahagian besar masyarakat India Muslim di Malaysia. Mereka menceburkan diri dalam pelbagai bidang, seperti perniagaan rempah, barang kemas, perhiasan rumah, perniagaan buku, akhbar dan majalah, dan perniagaan runcit. Antara tokoh India Muslim di Malaysia ialah Haji Abu Backer bin Mamak Hussain yang terkenal dengan Barkath Store miliknya, iaitu sebuah perusahaan yang menjual pelbagai barangan keperluan harian. Melalui Syarikat Barkath Marine Product, beliau telah mengembangkan produk marin seperti udang dan sardin.

K. Sultan Merican pula terkenal dengan perniagaan barang kemas. Selain itu, syarikat-syarikat seperti United Malaya Paper, Rose Paper, M.M Abd Rahim, T. M. Hassan Rasheed, Habib Jewel dan Mydin yang bergiat aktif di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang turut membantu merencanakan pendapatan negara. Selain itu, masyarakat India Muslim juga bergiat aktif dalam aktiviti percetakan. Kewujudan kedai-kedai cetak yang dimiliki masyarakat India Muslim dapat dilihat menerusi penghasilan pelbagai bentuk bahan bacaan, khususnya buku-buku agama. Perusahaan dalam penerbitan, percetakan dan pengedaran yang diusahakan kelas menengah India Muslim adalah antara perintis penerbitan akhbar di Malaysia (Mujani & Kasri, 2012).

Dari pihak kerajaan pula, pentadbiran UMNO-BN telah banyak melakukan usaha-usaha untuk memastikan pendapatan dan ekonomi masyarakat kelas menengah Muslim menjadi lebih baik. Antara yang dilakukan ialah menubuhkan institusi-institusi keislaman yang bersifat ekonomi dan kewangan, seperti penubuhan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Tabung Haji, pengenalan sistem dinar emas, dan menaik taraf pusat-pusat Islam (Mashitah Sulaiman 2013).

KESIMPULAN

Kelas menengah, khususnya kelas menengah Muslim, adalah antara tonggak penting dalam pembangunan negara. Ini kerana negara yang maju ialah negara yang dianggotai oleh bilangan kelas menengah yang ramai. Golongan ini memainkan peranan yang penting dalam pelbagai aspek. Mereka dianggap sebagai kumpulan pendesak, ahli fikir, alat penghubung dengan kelas atasan, pemimpin kepada kelas bawahan serta kumpulan yang peka dan melibatkan diri dengan masalah-masalah negara.

Perkembangan intelektual dan nilai-nilai Islam di dalam sistem sosial yang berlaku pada hari ini merupakan hasil daripada inisiatif masyarakat sivil pada masa awal kemerdekaan dahulu yang menginginkan kepada prinsip dan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan seharian mereka. Hasil daripada inisiatif ini telah melahirkan gerakan atau pertubuhan sosial dan politik seperti PKPIM, ABIM, JIM, MACMA, PAS dan UMNO. Pertubuhan-pertubuhan ini boleh dianggap sebagai perintis kebangkitan kelas menengah Muslim di negara ini. Peranan mereka dalam membangunkan negara ini khususnya dalam aspek pendidikan dan ekonomi tidak dapat dinafikan.

ABIM, JIM, dan PAS Berjaya mengukuhkan dan memantapkan perjuangan mereka dalam bidang pendidikan dengan menubuhkan institusi pendidikan bermula dari TASKA sehinggalah pengajian tinggi. MACMA dan kelas menengah India Muslim lebih fokus ke

bidang ekonomi dan perniagaan. Manakala UMNO di pihak kerajaan telah banyak berjasa dalam memperkasakan pendidikan ekonomi umat menerusi institusi-institusi Islam sama ada di bidang pendidikan mahupun ekonomi. Segelintir contoh yang dapat disebutkan di sini ialah seperti penubuhan IKIM, PERKIM (diasaskan oleh pihak berkaitan kerajaan), (YaPEIM), Tabung Haji, dan juga menaiktaraf pusat-pusat Islam. Peranan dan sumbangan golongan ini sangat penting dalam usaha membangunkan negara yang lebih pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dapatan kajian yang disokong oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Tier-1 (Vot H822).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (1998). *Golongan Pengurus dan Professional Melayu Satu Kajian Tentang Pemodenan dan Transformasi Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badlihisam Mohd Nasir. (1999). *Islamic Movements in Malaysia: A Change and Challenge in the Post Islamic Resurgence Period*. *Hamdard Islamicus*, 22(1), 27-36.
- Badlihisam Mohd Nasir. (2010). Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islam and Arabic Education*, 2(1), 1-12.
- Batmalai, S.. *Islamic Resurgence and Islamization in Malaysia: A Malaysian Christian Response*. Ipoh: St. John's Church (Anglican). 1996.
- Chandra Muzaffar. (1998). *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- IKIM. (t.th). *Pengenalan dan Penubuhan IKIM*. <http://www.ikim.gov.my/index.php/pengenalan-penubuhan-ikim/>, diakses pada 2 Jun 2021.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication.
- JAKIM. (2020). *Statistik Tahun 2020: Kelas Al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) dan Sekolah Agama*. Berakhir Mac 2020. Bahagian Pendidikan, JAKIM. <http://anyflip.com/lyqjm/bnbp>, diakses pada 14 Oktober 2021.
- Kamil, I. M. B & Majid, M. A. (2017). Analisis Kritikal Perkembangan Intelektual Muslim di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia. *Jurnal pengajian Islam*, 10(2), 88-110.
- Keshminder, J. S. (2021). *Jangan Abaikan Kelas Menengah, Penggerak Ekonomi Negara*. <https://wacana.my/jangan-abai-penggerak-ekonomi-sebenar-golongan-pertengahan/>, diakses pada 14 Oktober 2021.
- Mariappan, K. (2000). *Ketidaksamaan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mashitah Sulaiman. (2013). Islam dan transformasi sosial masyarakat Melayu Malaysia: suatu kajian eksploratori. *Proc. of the International Conference on Social Science Research*. Penang, MALAYSIA: WorldConferences.net. pp. 778-800.

- Milner, A. C. (1995). *The invention of politics in colonial Malaya: Contesting nationalism and the expansion of the public sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohamad Abu Bakar. (1981). *Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia*. *Asian Survey*, 21(10), 1043.
- Mohamed Salleh. (1998). *Politik kelas menengah Melayu: satu tinjauan awal*. Dlm. Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan (pnvt.). *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Mohd Dahlan Arshad. (1996). "My Early Steps" dalam *Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). 1996.
- Mujani, W. K & Kasri, A. (2012). *Muslim Kelas Menengah di Malaysia: Definisi serta Sumbangan dalam Bidang Ekonomi dan Politik*. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(2), 1-39.
- M. Dawam Rahardjo. (1999). *Masyarakat Madani: Agama, Kelas Menengah dan Perubahan Sosial*. Jakarta: LP3ES.
- Noran Fauziah Yaakob. (1987). *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nordin Selat. (1976). *Kelas Menengah Pentadbir Melayu: Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Perkim. (t.th). *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia*. <https://www.perkim.net.my/home-page/>, diakses pada 1 Jun 2021.
- Razali Nawawi. (1996). "Penubuhan Sebuah Gerakan" dalam *Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-1996*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). 1996.
- Riki Rahman & Faisal S. Hazis. (2018). *ICMI and Its Roles in the Development of the Middle Class Muslim Communities in Indonesia in the New Order Era*. *Al-Jāmi'ah: Journal of Islamic Studies*, 56(2), 341-366.
- Roff, W. R. (1998). *Pattern of Islamization in Malaysia, 1890s-1990s: Exemplars, Institutions and Vectors*. *Journal of Islamic Studies*, 9(2), 210-228.
- Siti Hamisah Manan. (2009). *Gelombang Kebangkitan Dakwah Kampus*. Kuala Lumpur: JIMedia.
- Suryadinata, L. (1997). *Democratization and Political Succession in Suharto's Indonesia*. *Asian Survey*, 37(3), 269-280.
- Taufiq Yap Yun Hin. (2019). *Sejarah Masyarakat Cina Muslim*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/01/413093/sejarah-masyarakat-cina-muslim>, diakses pada 14 Oktober 2021.
- Yap Beng Ling. (1989). *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu*. dlm. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainah Anwar. (1987). *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among Students*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Zainah Anwar. (1990). *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zulkifli Dahalan. (2008). *Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang Pernah Dimainkan dalam Aktiviti-Aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia*. *ESTEEM Academic Journal*, 4, 134-150.

